

(Untuk Orang Bukan Islam Sahaja)

Presiden Nelson ada Persidangan Umum Oktober: Biarkan Tuhan Menang, Mendukung Masa Depan, Amalkan 'Norma Baharu'

“Tuhan tidak mengasihi satu bangsa lebih daripada bangsa yang lain,” kata Presiden Nelson.

Maju ke depan, mendukung masa depan dengan iman, melihat masa huru-hara ini sebagai kesempatan untuk berkembang secara rohani dan pilih untuk biarkan Tuhan menang dalam hidup kita. Itu adalah antara pesanan yang dikongsikan Presiden Russell M. Nelson ketika persidangan semi-tahunan ke-190 Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Ketika Presiden Nelson mengungkapkan sukacita bagi kesempatan dan keupayaan untuk berkumpul secara maya dalam persidangan itu, dia turut mengungkapkan dukacita bagi mereka yang terkesan dengan pandemik COVID-19, malapetaka, dan kesusahan lain.

“Melalui semua itu, Bapa Syurgawi kita dan Putera-Nya, Yesus Kristus, mengasihi kita! Mereka menjaga kita,” katanya. “Mereka dan malaikat kudus-Nya sedang menjaga kita.”

Presiden Nelson menambah meskipun dalam kekacauan dunia sekarang, kita boleh memandang masa depan dengan sukacita semasa kita berpaling kepada Juruselamat kita Yesus Kristus.

“Marilah kita jangan membuang usaha untuk kenangan kelmarin. Pengumpulan Israel tetap maju. Tuhan Yesus Kristus mengarahkan hal-hal Gereja-Nya, dan ia akan mencapai objektif ilahinya.”



Adakah Anda Sedia untuk Biarkan Tuhan Menang dalam Hidup Anda?

Semasa sesi pagi Hari Ahad persidangan, Presiden Nelson mengajar tentang pengumpulan Israel dan bagaimana ia berkaitan dengan kesediaan kita untuk menjadikan Tuhan pengaruh yang paling penting dalam kehidupan kita.

“Satu-satunya cara untuk terus hidup secara rohani adalah bertekad untuk membiarkan Tuhan menang dalam hidup kita, belajar mendengar suara-Nya dan menggunakan tenaga kita untuk membantu mengumpulkan Israel,” katanya.

Semasa ucapan tersebut, Presiden Nelson mengulangi bahawa Tuhan mengasihi semua anak-Nya dan menekan bahawa perkauman dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah tidak dibenarkan.

“Saya jamin kepada anda bahawa kehadiran anda di hadirat Tuhan tidak ditentukan oleh warna kulit anda. Disenang atau tidak oleh Tuhan adalah bergantung atas kebaktian anda kepada Tuhan dan perintah-perintah-Nya dan bukannya warna kulit anda.”

Semasa Presiden Nelson mengajar orang suci untuk melihat diri mereka terlibat dalam pengumpulan anak-anak Tuhan yang sedang berlangsung sekarang, dia menyampaikan jempunan kenabian ini:

“Semasa anda mengkaji tulisan suci anda dalam enam bulan yang seterusnya, saya menggalakkan anda untuk membuat satu senarai semua perkara yang telah dijanjikan Tuhan yang akan Dia lakukan untuk umat perjanjian Israel. Renungkan janji-janji ini. Bercakap tentangnya dengan keluarga dan kawan-kawan anda. Kemudian hidup dan lihat janji-janji ini dipenuhi dalam hidup anda sendiri.”

Mendukung Masa Depan dengan Iman

Berucap dalam sesi wanita kepada para wanita dan remaja puteri berusia 11 tahun dan ke atas, Presiden Nelson mengungkapkan kasihnya dan penghargaan untuk semua yang mereka telah lakukan untuk menjadi hebat setiap hari dalam keadaan sukar ini. Dia turut memperingatkan mereka tentang janji Tuhan “jika kamu bersedia kamu tidak akan takut.” ([Ajaran dan Perjanjian 38:30](#)) dan menggesa semua untuk mengambil langkah untuk menjadi lebih bersedia secara duniawi, rohani, dan emosi.

Dia berkongsi tiga asas untuk dipertimbangkan:

1. Ciptakan tempat perlindungan
2. Persiapkan minda anda untuk beriman kepada Tuhan
3. Jangan berhenti membuat persediaan

Presiden Nelson mengajar,

“Perlindungan utama kita datang ketika kita kuk diri kita kepada Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus! Hidup tanpa Tuhan adalah kehidupan yang penuh dengan ketakutan. Hidup dengan Tuhan adalah kehidupan yang penuh dengan kedamaian.”



Amalkan 'Norma Baharu'

Dalam ucapan penutupnya pada petang Hari Ahad, Presiden Nelson sedar bahawa dalam masa sekarang kita sering mendengar ungkapan “norma baharu.” Tetapi dia menjemput para pengikut Yesus Kristus untuk memeluk “norma baharu” yang merangkumi memalingkan hati kepada Tuhan, bertaubat setiap hari, membuat pelayanan dan melayani orang lain, mengekalkan pandangan abadi dan menjalani setiap hari untuk menjadi lebih bersedia untuk bertemu Tuhan.

Presiden Nelson mengumumkan perancangan pembinaan enam buah bait suci baharu sebelum dia menamatkan persidangan dengan berkat kedamaian ini:

“Saya memberkati anda untuk dipenuhi dengan kedamaian Tuhan Yesus Kristus. Kedamaian-Nya melebihi segala pemahaman fana. Saya berkati anda dengan keinginan yang lebih dan kebolehan untuk patuh kepada hukum-hukum Tuhan.” Dia sambung berkata, “Saya berjanji bahawa apabila anda lakukan, anda akan diberikan berkat, termasuk keberanian yang lebih besar, peningkatan wahyu peribadi, harmoni dalam rumah anda, dan kegembiraan, bahkan dalam ketidaktentuan.”